

NEOLOGISME: ASPEK LINGUISTIK KATA BAHARU BAHASA JERMAN DALAM PERBANDINGAN DENGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA

Merry Lapasau

Arbak Othman

Abstrak

Neologisme ialah kata atau istilah yang baru direka dengan tujuan utama untuk penamaan sesuatu benda rekaan baharu, konsep baharu atau fenomena baharu yang berlaku dalam masyarakat. Neologisme muncul dalam negara-negara tertentu dengan budaya dan teknologi yang berkembang, dan mempunyai kemudahan dalam penyebaran maklumat. Neologisme disebar luas melalui media massa dan media elektronik seperti surat khabar, Internet, televisyen, melalui penyebaran langsung seperti pidato politik atau seminar akademik. Jika digunakan secara berkala dan diterima oleh masyarakat pengguna, neologisme dapat menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa masyarakat tersebut dan diterima masuk ke dalam entri kamus; atau sebaliknya dilupakan sahaja atau menghilang kerana tidak ada atau kurangnya penerimaan daripada pengguna bahasa. Ada beberapa faktor penting yang menentukan sama ada sesuatu neologisme dapat bertahan dan menjadi bahagian baharu dalam suatu bahasa seperti penerimaan masyarakat, penerimaan pakar linguistik, dan jika kata baharu masuk ke dalam entri kamus. Hal-hal yang akan dibicarakan dalam makalah ini ialah perbandingan neologisme bahasa Jerman dan bahasa Melayu dengan memberi tumpuan pada pembicaraan jenis dan bentuk neologisme, pembentukan neologisme, nilai pragmatik neologisme, sumber *neologisme*, dan masalah linguistik yang berkaitan dengan penggunaan neologisme seperti leksikalisasi dan penterjemahan.

Abstract

A neologism is a word, term or phrase which has been recently created (coined) – often used to apply to new concepts, to synthesize pre-existing concept, or to make older terminology sounds more contemporary. Neologism is especially useful in identifying inventions, new phenomena or old ideas which have taken on a new cultural context. Neologism can also refer to an existing word or phrase which has been assigned to a new meaning. Neologisms tend to occur more often in cultures which are rapidly changing, and also in situations where there is easy and fast propagation of information. Such new words often become popular by way of mass media such as television, the Internet, through word of mouth, e.g. academic discourse, political speech etc. Neologisms often become acceptable as part of the language. Other times, however, they disappear from common usage. Whether a neologism continues as part of the language depends on many factors, the most important of which are probably acceptance by the public, acceptance by linguistic experts and incorporation into dictionaries. This paper focuses on neologism in German, Malay and Indonesian in terms of types and forms, its pragmatic values, word sources, and also other linguistic problems relating to neologism such as lexicalization and translating.

Selayang Pandang Kosa Kata Bahasa Jerman

Bahasa Jerman ialah bahasa rasmi di Jerman, Austria, Liechtenstein, Luxembourg, dua per tiga bahagian Swiss, wilayah Tyrol selatan di Itali, bahagian timur Belgium, dan bahagian selatan Denmark. Penutur bahasa Jerman sebagai bahasa ibunda di seluruh dunia berjumlah 105 juta orang, sedangkan penutur bahasa Jerman sebagai bahasa asing ialah 80 juta orang (menurut perhitungan badan Europabarometer, terdapat sekitar 55 juta penutur di dalam negara-negara di Persekutuan Eropah).

Bahasa Jerman memiliki bahasa warisan yang berasal daripada bahasa Indo-Jerman seperti *zwei* (dua), *Zaun* (pagar), *hundert* (seratus), *Liebe* (cinta), *Zahn* (gigi) atau *Vieh* (binatang ternak). Kata pinjaman daripada bahasa asing tidak berasal daripada bahasa Indo-Jerman tetapi masuk ke dalam bahasa Jerman daripada pelbagai negara melalui perdagangan dan penaklukan wilayah pada zaman pertengahan. Kata asing dalam bahasa Jerman dapat dikenal melalui penekanan, pengucapan atau penulisan kata tersebut.

Kerana letak negara Jerman yang strategis di bahagian tengah Eropah, maka bahasa Jerman menerima banyak sekali pengaruh bahasa lain selama ratusan tahun. Pada zaman pertengahan dan masa sebelumnya, bahasa Latin berperanan sebagai bahasa induk bagi bahasa Jerman. Kata-kata yang digunakan sehari-hari, terutama dalam bidang seni bina, istilah agama dan istilah perang berasal daripada bahasa Latin seperti *dominieren* (mendominasi), *karren* (gerobak dorong), *keller* (gudang), *kloster* (monastery), *fenster* (tingkap), *wein* (minuman anggur), *straße* (jalan), *ziegel* (atap bumbung) atau *rettich* (lobak).

Kosa kata pinjaman daripada bahasa Yunani dalam bidang agama, sains dan falsafah antaranya berupa kata-kata seperti *Kirche* (gereja), *Biologie* (biologi), *Theologie* (teologi), *mathematik* (matematik), *physik* (fizik), *demokratie* (demokrasi), *krypta* (jalan bawah tanah) atau *arithmetik* (aritmetik) yang juga kita kenal dalam bentuk yang sudah disesuaikan dengan bahasa Melayu.

Kata-kata pinjaman daripada bahasa Itali ialah kata-kata seperti *bank* (bank), *bilanz* (balance), *melone* (buah tembikai). Kemudian kosa kata bahasa Perancis masuk ke dalam bahasa Jerman sebagai kata pinjaman. Hal ini telah memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan bahasa Jerman. Setelah perang yang dikenal dengan perang tiga puluh tahun berakhir, bahasa Perancislah yang memegang peranan penting dan lebih banyak digunakan dalam lingkungan kerajaan Jerman. Bahkan para raja Preusen lebih memahami dan menggunakan bahasa Perancis jika dibandingkan dengan bahasa Jerman, seperti *garderobe* (tempat menyimpan pakaian), *toilette* (tandas) dan *galant* (mewah), *Boulevard* (jalan berhias), *konfitüre* (semacam jem), *trottoir* (jalanan di sisi jalan raya untuk pejalan kaki).

Kosa kata daripada bahasa Slavia yang masuk ke dalam bahasa Jerman adalah seperti kata *grenze* (batas), *gurke* (mentimun) dan *pistole* (pistol). Daripada bahasa Yahudi bahasa Jerman diperkaya dengan kata-kata seperti *meschugge* (sakit jiwa), *mischpoke* (persaudaraan yang membawa kesan tidak baik), *schickse* (wanita muda tidak susila), *schlamassel* (keadaan kacau) dan *zoff* (pergaduhan).

Melalui perdagangan antara Eropah dengan negara di Timur Tengah dan juga kerana kesan Perang Salib pada Zaman Pertengahan, bahasa Jerman banyak dimasuki kosa kata bahasa Arab. Dalam bidang perdagangan, terdapat kata-kata seperti *Magazin* (majalah), *Tarif* (tarif), *Tara* (berat pakej tanpa isi). Dalam bidang pertanian terdapat kata-kata seperti *orange* (limau), *kaffee* (kopi) dan *Ingwer* (halia). Dalam bidang kedokteran

terdapat kata-kata seperti *elixir* (minuman ubat), *Balsam* (balsam). Dalam ilmu matematik terdapat kata-kata seperti *Algebra* (aljabar), *algorithmus* (algoritma) dan *ziffer* (angka). Dalam ilmu kimia terdapat kata-kata seperti *alkalisch* (alkali) dan 'Alkohol' (alkohol). Dalam ilmu astronomi pula terdapat kata-kata seperti *almanach* (kalendar), *zenit* (titik zenith). Kosa kata yang digunakan sehari-hari pun banyak mendapat pengaruh daripada bahasa Arab, seperti *koffer* (beg pakaian), *benzin* (benzin) dan *lemonade* (air limau).

Sejak pertengahan abad ke-20, bahasa Inggeris mula mendominasi sebagai bahasa asing yang berpengaruh kuat di Jerman.¹ Keadaan ini dinilai kritis oleh para pemerhati bahasa yang menentang penggunaan kosa kata daripada bahasa Inggeris jika bahasa Jerman mempunyai sinonimnya.

Selayang Pandang Kosa Kata Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia

Bahasa Indonesia ialah bahasa rasmi Republik Indonesia sebagaimana yang disebutkan dalam Undang-Undang Dasar RI 1945, Fasal 36. Ia juga merupakan bahasa persatuan bangsa Indonesia yang disiratkan dalam Sumpah Pemuda 28 Oktober 1928. Meskipun demikian, hanya sebahagian kecil daripada penduduk Indonesia yang benar-benar menggunakannya sebagai bahasa ibunda kerana dalam percakapan sehari-hari yang tidak rasmi masyarakat Indonesia lebih suka menggunakan bahasa daerahnya masing-masing sebagai bahasa ibunda seperti bahasa Melayu pasar, bahasa Jawa, bahasa Sunda, bahasa Aceh, bahasa Bugis dan lain-lain. Untuk sebahagian besar penduduk Indonesia, bahasa Indonesia ialah bahasa kedua, dan untuk taraf rasmi seperti di sekolah, institusi pemerintahan dan lembaga rasmi yang lain-lain, bahasa Indonesia digunakan sebagai bahasa pertama.

Tidak terdapat perbezaan yang banyak antara bahasa Indonesia dengan bahasa Melayu. Dalam makalah ini, penggunaan terminologi bahasa Melayu merujuk kepada kedua-dua bahasa rasmi yang digunakan di Indonesia dan di Malaysia. Sedangkan untuk bahasa Melayu yang hanya digunakan di Malaysia, penulis menggunakan terminologi bahasa Malaysia.

¹ Bezakan dengan penggunaan Anglisme yang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat.

Bahasa Melayu yang digunakan di Indonesia, terutama di wilayah Riau, merupakan bahasa Melayu Tinggi atau bahasa Melayu standard atau bahasa Melayu Piawai. Telah ditemukan bukti-bukti konkrit sejarah tentang asal usul bahasa Melayu pada tulisan di prasasti-prasasti di daerah Sumatera Selatan dan hulu Jambi. Kedua-dua bahasa itu, meskipun berakar daripada bahasa Melayu yang sama, iaitu bahasa Melayu di tanah Sumatera, memiliki perbezaan latar belakang sejarah, politik, dan perlakuan yang berbeza pula dari segi tatabahasa, kedinamisan, dan kosa kata. Perlu diketahui pula bahawa bahasa Indonesia merupakan dialek baku daripada bahasa Melayu. *Kamus Besar Bahasa Indonesia* edisi ketiga memuatkan sekitar 78 ribu lema. Sedangkan *Kamus Dewan* bahasa Melayu memuatkan sekitar 75 ribu lema.

Perbezaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia secara garis besar dapat dipaparkan sebagai berikut:

- i. Dari latar belakang penjajahan asing boleh dikatakan bahawa bahasa Indonesia lebih banyak menyerap bahasa Belanda sedangkan bahasa Malaysia lebih banyak menyerap bahasa Inggeris.
- ii. Dari segi perlakuan, kedua-dua bahasa tersebut diperlakukan sesuai dengan kebijakan kebahasaan di negara masing-masing, namun ada perhimpunan yang mengatur bahasa Melayu yang disebut dengan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM).
- iii. Dari segi penyerapan kata di negara masing-masing, bahasa Indonesia yang didasarkan daripada bahasa Melayu dialek Riau menyerap pula bahasa-bahasa daerah di Indonesia seperti bahasa Jawa, Sunda dan lain-lain.

Bahasan tentang kosa kata dalam makalah ini berhubungan dengan penggunaan neologisme sebagai salah satu aspek leksikologi yang dibatasi pada penelitian neologisme bahasa Jerman, bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia.

NEOLOGISME

Neologisme ialah kata atau istilah yang baru direka dengan tujuan utama untuk penamaan sesuatu benda rekaan baharu, konsep baharu atau fenomena baharu yang berlaku dalam masyarakat. Neologisme muncul di negara-negara tertentu dengan budaya dan teknologi yang berkembang, dan mempunyai kemudahan dalam penyebaran maklumat.

Neologisme disebar luas melalui media massa dan media elektronik seperti surat khabar, Internet, televisyen atau melalui seminar akademik. Jika digunakan secara berkala dan diterima oleh masyarakat pengguna, neologisme dapat menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa masyarakat tersebut dan diterima masuk ke dalam entri kamus, atau sebaliknya dilupakan sahaja atau menghilangkan kerana tidak ada atau kurangnya penerimaan daripada pengguna bahasa. Hal-hal yang akan dibicarakan dalam makalah ini ialah perbandingan neologisme bahasa Jerman, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dengan memberikan tumpuan kepada pembicaraan jenis dan bentuk, cara pembentukan neologisme, nilai pragmatik neologisme, sumber neologisme, dan masalah linguistik yang berkaitan dengan penggunaan neologisme.

Dalam bidang psikiatri, pengertian neologisme ialah ciptaan kata-kata yang hanya mempunyai erti bagi orang yang menerokanya. Hal tersebut berlaku secara normal bagi anak-anak, namun dalam kalangan orang dewasa, hal itu menunjukkan penyakit mental seperti skizofrenia. Penggunaan neologisme pada orang dewasa yang tidak dapat dimengerti orang lain juga dapat dihubungkan dengan afasia, iaitu penyakit kerosakan otak yang diakibatkan oleh kejutan atau strok.

Dalam bidang teologi, neologisme bererti doktrin baharu yang dianggap heretikal atau subversif. Dalam kajian ini pembahasan tentang neologisme akan dibuat dalam kaitan dengan bidang bahasa dengan kekhususan dalam bidang linguistik sahaja.

Definisi Neologisme

Terminologi neologisme berasal daripada bahasa Yunani yang masuk ke dalam bahasa Jerman melalui bahasa Perancis pada akhir abad ke-18. Kata pinjaman daripada bahasa Perancis ini terdiri daripada kata Yunani *neos*: (baharu) dan *logos*: “kata”, “pelajaran”. Secara singkat neologisme dapat diertikan sebagai “kata baharu”.

Dalam istilah linguistik, menurut Bussmann,

Neologisme ialah bentuk kata yang baru diteroka dan digunakan. Berbanding dengan bentuk okasionalisme atau bentuk ad-hoc yang hanya bertahan dalam waktu yang lebih singkat, neologisme sudah mempunyai ciri leksikal khusus walaupun masih dianggap relatif baharu oleh pengguna bahasa. Neologisme diteroka untuk penamaan benda, hal-hal ataupun konsep baharu dalam bidang teknik, sains

mahupun politik. Neologisme kerap juga digunakan dalam wacana persuasif seperti wacana iklan. Neologisme dapat dibezakan dalam tiga bentuk: kata majmuk yang dibentuk dengan menggabungkan kata yang sudah ada, misalnya *Datennetz* (data dalam komputer), kata pinjaman daripada bahasa lain seperti istilah *software* daripada bahasa Inggeris, dan pengalihan makna metaforis seperti kata *virus* dalam istilah *computer virus*.²

Sedangkan definisi *neologisme* dalam kamus kesusasteraan Jerman daripada Gero von Wilpert adalah sebagaimana yang berikut:

Neologisme (bahasa Yunani *neos*: baharu, *logos*: kata) adalah ungkapan kata baharu untuk menamakan suatu benda atau hal-hal baharu. Dalam bidang sastera, neologisme digunakan untuk mencapai efek emosional, ekspresif, ataupun ironis yang biasanya dibentuk dengan melanggar tatabahasa standard.³

Hal-hal yang biasanya menjadi pertanyaan sehubungan dengan penggunaan terminologi neologisme adalah sebagaimana yang berikut:

a. Hubungan antara bentuk dengan erti kata

Pertanyaan yang kerap muncul adalah bahawa, apakah sesuatu kata baharu dapat dikategorikan sebagai suatu neologisme jika hanya bentuk ataupun ertinya baharu atau apakah sebuah kata lama mendapat erti yang sama sekali baharu dapat menjadikannya sebuah neologisme?

b. Faktor waktu

Selama mana sebuah kata baharu masih dapat diperhitungkan sebagai satu neologisme?

c. Ruang lingkup penggunaan

Harus seluas manakah penggunaan suatu kata baharu? Apakah ada batasan tertentu dalam penyebarannya?

² Bussmann, Hadumod. (2001). *Lexikon der Sprachwissenschaft*. Stuttgart: Alfred Kröner Verlag. p. 463.

³ Von Wilpert, Gero. (1989). *Sachwörterbuch der Literatur*. Stuttgart: Alfred Kröner Verlag. p. 618.

Penyelidikan tentang neologisme sebagai suatu bidang ilmiah di Jerman mencapai puncaknya pada pertengahan abad ke-20. Neologisme sebagai suatu terminologi ialah kata yang mutakhir dicipta dan kemudian mengalami leksikalisasi sekitar tahun 1800, lantas kata yang mulai popular pada awal abad ke-19 ini pun suatu neologisme. Kamus umum hanya mencakup kosa kata inti yang digunakan dalam bahasa standard. Kosa kata istilah ilmiah yang baharu menjadi popular kadang-kadang masuk menjadi kosa kata bahasa dasar seperti kosa kata bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi. Namun istilah-istilah seperti itu tidak dianggap neologisme oleh sebahagian pakar bahasa kerana istilah tersebut telah lama digunakan orang dalam ruang lingkup bidang khusus masing-masing. Bidang yang paling produktif dalam penerokaan kosa kata baharu ialah bidang yang merujuk kepada register bahasa remaja, namun kadang-kadang kata-kata baharu dalam bidang ini pun tidak digunakan dalam jangka waktu yang lama dan hanya boleh bertahan sebagai unsur *okasionalisme* sahaja. Neologisme harus dibezakan dengan *okasionalisme*, iaitu tanda leksikal yang diteroka secara spontan dan hanya digunakan untuk beberapa ketika sahaja kerana tidak ada respons positif daripada masyarakat pengguna bahasa.⁴ Bukan semua *okasionalisme* mempunyai potensi dan nilai stilistik yang boleh mengangkatnya menjadi neologisme.

Hal-hal yang memudahkan penerimaan neologisme antara lain adalah jika suatu neologisme mempunyai kesamaan dengan kata yang sudah ada, dan boleh diidentifikasi dengan kata lama, baik dari segi bentuk, erti mahupun bunyi. Atau jika konsep yang dinamai mudah diingat atau bermakna positif. Ciri khusus neologisme yang positif ialah kandungan semantikanya yang sesuai untuk menerangkan istilah baharu dengan menggunakan ungkapan singkat dan padat. Lebih-lebih lagi jika neologisme tersebut mempunyai fonem dan grafem yang tidak asing bagi penutur bahasa, maka ia akan lebih mudah diingat dan akhirnya digunakan secara bersinambungan. Kosa kata bahasa Jerman daripada bahasa lain seperti *downloaden* daripada kata pinjaman bahasa Inggeris *download* yang masuk dalam bahasa Jerman sebagai neologisme sebenarnya bukan neologisme kerana kata itu telah lama ada dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Inggeris, yakni yang bukan baru diteroka. Kata terjemahan *herunterladen* daripada *download* sebagai satu neologisme sekarang ini lebih banyak digunakan antara lain kerana kata tersebut dibentuk daripada

⁴ Bandingkan dengan penggunaan slanga sebagai sumber neologisme pada halaman 28–29.

bahasa Jerman dan lebih akrab di telinga masyarakat Jerman berbanding kata asing *downloaden* walaupun mendapat akhiran 'en' yang umum dalam kaedah bahasa Jerman sehingga membuatnya terdengar tidak asing.

Ada beberapa hal yang boleh menjadi pertimbangan sebagai alasan penolakan neologisme untuk dimasukkan ke dalam entri kamus standard bahasa tertentu, terutama untuk neologisme yang berasal daripada bahasa asing. Selain mempertimbangkan masalah linguistik, pengaruh neologisme juga dipertanyakan dalam hubungannya dengan masalah sosiobudaya para penutur bahasa. Para penutur bahasa daripada generasi lama akan mengalami kesukaran dalam proses mengikuti perkembangan bahasa untuk turut mengambil bahagian dalam proses komunikasi dalam masyarakat jika mereka kurang memahami bahasa asing. Contohnya ialah penggunaan neologisme berlebihan yang biasanya diambil oleh kaum muda daripada bahasa Inggeris tanpa memperhatikan kaedah bahasa.

Antara sebab lain adalah bahawa bahasa berkaitan dengan sejarah masyarakat penutur, yang melandasi identiti mereka, lalu penggunaan neologisme yang berlebihan akan melemahkan kesedaran identiti sejarah dan budaya penutur sehingga nilai keutuhan bahasa dan budaya sebagai suatu kesatuan dikurangi. Dalam hal ini, penggunaan bahasa tidak hanya terbatas sebagai media komunikasi tetapi bahasa juga mencerminkan cara berfikir, perasaan dan keinginan masyarakat penuturnya.

Pemikiran yang mengutamakan asas *nasionalisme* dan budaya dalam berbahasa ini mendapat hujahan oleh pemikiran lain yang mendukung penggunaan neologisme. Alasan utama penggunaan neologisme ialah penambahan jumlah kosa kata. Tanpa kemasukan kata daripada bahasa Latin dan Yunani, bahasa Jerman tidak akan mempunyai kosa kata sebanyak sekarang ini. Begitu juga halnya dengan bahasa Melayu yang banyak mengambil neologisme daripada bahasa Inggeris. Bahasa Indonesia dalam hal ini lebih mengutamakan bahasa Sanskrit yang memberikan pengaruh kepada bahasa Jawa yang mempunyai jumlah penutur terbesar di Indonesia mahupun kepada beberapa banyak bahasa daerah di Indonesia. Namun demikian perlu diingat, bahawa jumlah kosa kata tidaklah dapat menentukan kualiti sesuatu bahasa. Lebih-lebih lagi jika jumlah kosa katanya digunakan untuk mengukur keindahan sesuatu bahasa. Bila dan bagaimana sesuatu bahasa dapat dikategorikan indah, siapa dan apakah yang dapat menjadi titik tolak ukurannya?

Alasan kedua untuk penggunaan neologisme ialah pertimbangan bahawa bahasa ialah suatu sistem yang selalu berubah pada tahap-tahap tertentu. Bahasa yang tidak berkembang dapat menjadikan bahasa tersebut

statik dan tertinggal oleh perkembangan zaman. Proses perubahan suatu bahasa dipengaruhi dan dikendalikan oleh penuturnya sendiri melalui perkumpulan bahasa, golongan akademia, linguis, jurnalis dan para pemerhati bahasa lainnya. Badan negara atau kerajaan tidak mempunyai legitimasi ke atasnya. Linguistik sebagai cabang ilmu bahasa juga tidak mempunyai ukuran tepat untuk menentukan perubahan terhadap sesuatu bahasa. Penelitian bahasa secara linguistik dilakukan dengan cara deskriptif, dan jarang sekali normatif, sehingga tidak dapat mengatur atau membatasi sebarang perubahan. Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi seperti sekarang ini, penutur bahasa antar negara dituntut secara tidak langsung untuk saling berinteraksi yang dampaknya secara automatik memberi warna baharu pada perkembangan atau perubahan bahasa di negara masing-masing. Jadi, kita sebagai penutur tidak akan dapat “menyelamatkan” bahasa daripada perubahan.

Sampai sekarang tidak terdapat kriteria linguistik yang jelas yang dapat membenarkan penolakan suatu neologisme untuk masuk ke dalam kosa kata dasar bahasa tertentu. Bahasa sebagai suatu sistem terbuka memberikan penuturnya kemungkinan untuk menyatakan sesuatu dengan menggunakan kata-kata yang berbeza yang mungkin diambil daripada neologisme. Dan kerana pluralisme dalam bahasa juga memungkinkan penutur untuk lebih banyak menambah baik bahasa, seperti melalui penggunaan humor, kemesraan atau untuk ketepatan berkomunikasi. Penggunaan bahasa lebih daripada sekadar pertukaran maklumat. Dalam hal ini, bahasa diperlukan untuk menunjukkan identiti, baik peribadi, budaya ataupun bangsa.

Dalam ruang lingkup leksikografi, pemberian batasan antara neologisme, *okasionalisme* dan *arkaisme*⁵ yang digunakan semula sesungguhnya tidak mudah. Kamus neologisme membantu memudahkan penilaian terhadap perkembangan kata-kata baharu. Dalam Kamus Besar Bahasa Jerman edisi Walter de Gruyter, 2004 tercatat tambahan 700 entri neologisme. Hal ini menunjukkan betapa pesatnya perkembangan leksikologi di Jerman yang juga mencerminkan keterbukaan masyarakatnya dalam menerima hal-hal baharu yang diikuti dengan penerokaan kata-kata baharu.

Pada tahun 2004 pula, sebuah institusi bahasa di Jerman (Institut für Deutsche Sprache, Mannheim) telah menerbitkan kamus *neologisme*

⁵ Arkaisme ialah ungkapan lama atau kata kuno yang biasanya digunakan sebagai alat retorik dengan konotasi puitis, sedih ataupun ironis.

yang berjudul: *Neuer Wortschatz: Neologismen der 90er Jahre im Deutschen* (Kosa kata baharu: Neologisme bahasa Jerman pada dekad 1990). Kamus neologisme yang hanya memuat kata-kata baharu sampai tahun 1990 ini disusun sebagai aktualisasi dan penyempurnaan kamus-kamus umum yang telah ada. Kamus ini mendokumentasikan dan menghuraikan kata-kata baharu dan kata-kata lama dengan erti baharu yang masuk ke dalam bahasa Jerman dan begitu kerap digunakan oleh masyarakat sehingga telah berintegrasi dengan kata-kata lama. Kamus ini disusun menurut alfabet dengan memperhatikan kaedah semasiologi dan poliinformatif. Setiap leksem dihuraikan dengan pemberian erti harfiah, erti kiasan dan keterangan tentang jenis (tipe), asal usul (etimologis), spesifikasi penggunaan (pragmatis) dan pembentukannya (morfologis). Kamus yang juga dapat dibaca di Internet ini merupakan langkah awal sebuah pengamatan, pengumpulan data ilmiah dan pembentangan untuk masyarakat awam yang dipelopori para linguist dan pemelihara bahasa Jerman. Sedangkan negara-negara yang berbahasa Skandinavia, Rusia, Perancis, Inggeris dan Jepun telah memiliki kamus neologisme sejak pertengahan abad ke-20 lagi.

Suatu neologisme di Jerman yang sangat digemari oleh masyarakat boleh mendapat anugerah (Medienpreis) dan akan dipilih menjadi kata atau istilah terbaik setiap tahun. Misalnya, kata terbaik pilihan masyarakat untuk tahun 2000 dan 2001 ialah *simsen* (istilah untuk menghantar e-mel), *leitkultur* (satu budaya yang menjadi orientasi masyarakat tertentu di samping pegangan terhadap agama yang sudah ada), *brutalstmöglich* (usaha untuk mengubah suatu keadaan dengan cara yang semaksimal mungkin sekalipun dapat menjadi hal positif ataupun negatif), sedangkan istilah terbaik untuk tahun 1997 ialah *reformstau* yang dibentuk daripada nomina *reform* (reformasi) + nomina *stau* (kesesakan lalu lintas). Istilah ini muncul sebagai kritik terhadap kebijakan pemerintah semasa pimpinan canselor Schröder yang dianggap tidak membawa reformasi untuk memperbaiki tindakan pemimpin sebelumnya), istilah *Eurogeld* untuk tahun 1995 (wang di Eropah) yang dibentuk daripada nomina 'Euro' (mata wang) + 'Geld' (wang).

Sebaliknya, neologisme juga dapat dipilih oleh masyarakat sebagai kata terburuk, misalnya kata *Wohlstandsmüll* yang terpilih sebagai kata terburuk untuk tahun 1997. Istilah *Wohlstandsmüll* dibentuk daripada kata *Wohlstand* (kekayaan atau kesejahteraan) + sisipan 's' + *Müll* (sampah) yang membawa makna sampah yang dibuang penduduk suatu negara yang berlebihan (kerana makmur) setiap tahunnya. Sebagai contoh, masyarakat

Jerman membuang 300 juta pasang kasut setiap tahun. Istilah ini direka sebagai kritik terhadap budaya membazir seperti itu.

Neologisme cenderung melalui beberapa tingkatan atau evolusi dalam perjalanannya menuju entri kamus bahasa standard:

- Peringkat Belum Stabil: istilah yang sangat baharu dan hanya digunakan dalam kalangan golongan tertentu dalam ruang lingkup kecil yang disebut juga protologisme.
- Peringkat Bauran: istilah baharu yang sudah mendapat perhatian masyarakat, tetapi belum sering digunakan.
- Peringkat Stabil: Istilah yang telah digunakan secara berkala baik dalam media cetak ataupun secara lisan yang berkemungkinan besar telah diterima oleh khalayak umum.

Motif Penggunaan Neologisme

Aspek penamaan suatu benda rekaan baharu ialah motif primer penerokaan dan penggunaan neologisme. Beberapa istilah seperti dalam bidang penamaan alat olahraga moden sering kali menggunakan neologisme, tetapi penggunaan seperti itu biasanya tidak bertahan lama, lebih-lebih lagi jika alat yang ditawarkan kurang laku dibeli oleh masyarakat. Motif lainnya ialah motif pemerian stilistik yang lebih mengena terhadap istilah tertentu. Sebagai contoh, neologisme dalam bahasa Jerman *Banker* (pegawai bank) terdengar lebih moden berbanding dengan kata lain dengan makna yang sama, iaitu *Bankangestellter*. Motif pemakaian selanjutnya adalah yang berkaitan dengan perbezaan istilah yang boleh lebih dijelaskan tersirat melalui neologisme. Misalnya istilah bahasa Jerman untuk komputer ialah *Computer* dan *Rechner*, namun *Computer* dipakai dalam bahasa standard sehari-hari sedangkan *Rechner* lebih menekankan istilah terminologi tekniknya. Motif lainnya adalah perubahan konteks budaya yang sekali gus mencerminkan sifat bahasa yang dinamis yang perkembangannya tidak dapat dikira oleh waktu. Contohnya istilah *low cost* yang diambil daripada bahasa Inggeris sebagai kata pinjaman digunakan untuk menerangkan sesuatu yang berharga agak rendah namun tetap bernilai tinggi. Istilah ini dianggap lebih berprestij (bergengsi) daripada kata lain dengan konteks yang sama, iaitu *billig*, kata lama bahasa Jerman yang bererti “murah” tanpa ada konotasi nilai kualitasnya. Istilah *low cost* banyak digunakan dalam bidang pelancongan, baik dalam negara mahupun di luar negara.

Penggunaan neologisme yang menyeluruh harus melebihi penggunaan di ruang lingkup daerah, kelompok ataupun dalam bidang ilmu tertentu

sahaja hingga dapat dikatakan bahawa neologisme tersebut telah diterima pengguna bahasa.

Nilai Pragmatis Neologisme

Fungsi neologisme selain untuk menamakan hal atau benda baharu, digunakan juga untuk menyatakan perasaan kekitaan pengguna bahasa kepada bahasa tertentu yang digunakannya, terutama jika neologisme tersebut dibentuk daripada bahasa asli yang mencerminkan bahawa pemakainya terkini, dan serta turut dalam perkembangan bahasa sendiri. Fungsi pragmatik lainnya adalah untuk menarik perhatian penggunaan terutama dalam bahasa iklan. Sistem bahasa dalam bahasa iklan bahasa Jerman yang menggunakan neologisme sengaja menyalahkan bentuk kata untuk menarik perhatian: *unkaputtbar*: “tidak dapat rosak” dibentuk daripada (*un + kaputt + bar*). Bentuk kata seperti itu tidak ada dalam kaedah bahasa Jerman, namun tetap digunakan kerana bentuknya yang berbeza dan dianggap kreatif sehingga lebih menarik daripada kata dengan bentuk biasa. Peneroka bahasa iklan yang kreatif juga dituntut untuk selalu ekspresif dalam meneroka kata baharu. Kata *Bio-Joghurt* (yogurt yang dihasilkan daripada bahan alamiah tanpa campuran zat kimia) menyiratkan bahawa yogurt tersebut dapat menyihatkan peminumnya kerana dibuat daripada bahan semula jadi walaupun kebenarannya boleh diragukan. Kata-kata seperti itu dalam bahasa Jerman disebut juga *Pseudofachwort*, iaitu kata-kata yang menyerupai istilah ilmiah namun, masih harus diuji lagi kebenarannya kerana sememangnya ia merupakan tiruan kata ilmiah sahaja untuk tujuan iklan.

Neologisme juga digunakan untuk menggantikan istilah yang sudah ada jika istilah baharu tersebut dianggap lebih sesuai kerana lebih halus atau lebih sopan, seperti dalam kebijaksanaan politik jawatan kereta api Jerman digunakan kata *Zugbegleiter* dengan erti harfiah pendamping dalam kereta api atau istilah masa kini pramugara dalam kereta api untuk menggantikan kata *Schaffner*, kata *servicepoint* atau *counter* yang digunakan untuk menggantikan kata lama *Schalter* yang bererti tempat membeli tiket. Neologisme yang merujuk kepada penduduk Jerman yang berasal dari negara lain ialah *ausländischer Mitbürger*. Istilah ini dibentuk untuk menggantikan kata lama *Gastarbeiter* (pekerja tamu) yang sebelumnya menggantikan kata *Fremdarbeiter* (pekerja asing). Kata *Seniorenzentrum* merujuk kepada tempat tinggal dan sekali gus pusat kegiatan orang lanjut usia yang dulunya disebut dengan *Seniorenheim*

yang menggantikan kata sebelumnya *Altersheim* yang hanya berkonotasi rumah tinggal untuk orang tua tanpa aktivitas. Perubahan nilai sosial dalam masyarakat Jerman sahalah yang menuntut adanya neologisme seperti ini, bagaimana pandangan dan penerimaan mereka terhadap warga asing di tengah-tengah masyarakat Jerman dan cara pandangan mereka terhadap orang tua yang tidak lagi dalam usia aktif yang sekali gus turut merubah dimensi bahasa Jerman.

Selanjutnya, neologisme juga diteroka sebagai alat propaganda melalui bahasa. Contohnya istilah *gesetzloser Kämpfer* (unlawful combatant) yang digunakan untuk mengklasifikasikan para tahanan yang tidak atau belum diadili tetapi telah mendekam lama di penjara, khususnya para tahanan di Guantanamo yang ditangkap pemerintah Amerika Syarikat. Istilah *neologisme Islamophobie* adalah kata majmuk yang dibentuk daripada kata “Islam” dengan sisipan “o” + “phobie”, iaitu rasa takut terhadap agama Islam dan penganutnya yang dianggap sebagai ancaman terhadap agama, budaya, politik dan militer masyarakat Kristian, terutama di Eropah barat dan Amerika Syarikat sehubungan dengan kempen anti-keganasan mereka. Istilah ini banyak digunakan orang terutama setelah peristiwa 11 September dan dimanfaatkan sebagai bahasa propaganda di surat khabar di Eropah dan Amerika Syarikat.

Proses Leksikalisasi

Neologisme biasanya ditulis dalam wacana dengan tanda petik (“...”), yang boleh diertikan bahawa penulis pun belum yakin dengan penggunaan kata tersebut. Atau neologisme ditulis dengan memberi definisi dalam tanda kurung.

Jika suatu neologisme telah sering digunakan dan telah jelas penulisan tanda leksikal dan semantikanya, maka ia telah menjadi bahagian daripada kosa kata masyarakat pemakai bahasa tersebut. Proses leksikalisasi suatu neologisme dapat dikatakan sebagai selesai jika kata atau istilah tersebut telah masuk ke dalam entri kamus dasar.

Jenis- jenis Wacana yang Biasa Menggunakan Neologisme

Pada *wacana sastera*: pengarang yang menggunakan neologisme pada karya mereka mempunyai beberapa tujuan, antaranya untuk memberikan ciri khas pada karya mereka; untuk mendapatkan efek stilistik tertentu; untuk mengubah tradisi lama; atau untuk menggambarkan suasana hati

dengan kata terpilih yang belum digunakan orang lain. Neologisme dalam wacana lirik biasanya disebarluaskan melalui pertemuan para sastrawan atau lewat karya tertulis: Istilah *Novemberöde* dibentuk dari gabungan nomina “November” (bulan November) + nomina “Öde” atau adjektif “öde” (keadaan sunyi yang mencekam) dalam bahasa Jerman untuk menggambarkan suasana pada bulan November yang kelam dan gelap serta membosankan sehingga menimbulkan rasa yang mencekam kerana di Jerman pada bulan itu sedang berlangsung musim sejuk dengan sedikit cahaya matahari. Bulan November yang disebut juga bulan yang membawa suasana depresif.

Pada *wacana politik*: Neologisme pada wacana politik menghuraikan fenomena baharu yang berlaku dalam masyarakat yang merupakan isu politik hangat. Rekaan baharu semacam ini disebarluaskan melalui debat politik, media cetak seperti surat khabar, televisyen dan majalah. Contohnya, istilah *Freilaufverbot* daripada kata kerja *frei laufen* (berlari bebas) + *Verbot* (larangan) yang bererti larangan daripada pemerintah Jerman bagi para penternak untuk melepaskan ayam di luar kandang berkaitan dengan adanya penyakit selesema burung.

Bentuk-bentuk Neologisme

Neologisme menurut bentuknya dalam bahasa Jerman dapat dibezakan menjadi:

- Kata-kata baharu (bentuk dan erti kata sama sekali baharu): *simsen* dalam bahasa Jerman ialah istilah untuk menghantar berita pendek melalui telefon bimbit.
- Kata dalam bentuk lama dengan erti baharu (perluasan erti): Istilah *Maus* ialah kata lama yang bererti tikus, sedangkan kata baharunya bererti alat teknik dalam komputer.
- Kombinasi kata baharu (kata majmuk), bentuk kata daripada gabungan kata yang sudah ada: *Internetcafe* daripada kata Internet + *Café* (Kafe yang juga menyediakan Internet untuk disewa), *Laptop-Tasche* daripada kata *Laptop* + *Tasche* (beg untuk komputer riba).
- Kata lama yang mendapat makna metaforis baharu: kata *Modezar* dalam bahasa Jerman berasal daripada kata *Mode* (gaya) + *Zar* (kaisar) yang bermakna pakar fesyen (ahli mode), istilah ini mempunyai makna metaforis kerana ia memberikan karakter khusus kepada orang yang diberi gelar *Modezar* bahawa ia menguasai bidang fesyen

(mode), istilah *Literaturpapst* dari kata *Literatur* (sastera) + *Papst* (paus) tidak merujuk kepada ahli agama seperti Paus Benedikt ke-16 dari Jerman, melainkan seorang yang ahli dalam bidang tertentu seperti sastera mendapat gelar “ahli kesusasteraan”.

Proses Pembentukan Neologisme Menurut Sistem Morfemis

Neologisme dalam bahasa Jerman menurut sistem morfemis dapat dibentuk dengan beberapa cara seperti yang berikut ini:

- (a) Melalui penggabungan tanda leksikal yang sudah ada, seperti pada kata majmuk nomina *Dosenpfand* yang dibentuk daripada dua nomina *Dosen* (tin) + *Pfand* (wang jaminan) yang bermakna wang yang diterima pembeli dengan mengembalikan tin kosong. Istilah ini baru muncul setelah pemerintah Jerman mengeluarkan peraturan mengembalikan tin kosong. Istilah *Genmais* yang dibentuk daripada dua nomina “Gen” (gen) + “Mais” (jagung) membawa makna jagung hasil benih (gen) baharu. Istilah ini direka untuk menamakan jenis jagung baharu yang ditanam dengan teknologi pencampuran benih atau gen.
- (b) Melalui derivasi, iaitu penambahan awalan atau akhiran pada tanda leksikal yang telah ada, misalnya istilah *Cyberkriminalität* yang dibentuk daripada prefiks *cyber* + nomina *Kriminalität* (kriminalitas), iaitu jenayah yang terjadi melalui sarana multimedia seperti penipuan melalui “perbankan dalam talian”.
- (c) Melalui singkatan atau akronim, misalnya *Azubi* sebagai singkatan daripada *Auszubildende* (pelajar yang melaksanakan magang di tempat kerja), *Op* sebagai singkatan daripada *Operationsaal* (bilik operasi), *Uni* sebagai singkatan daripada *Universität* (universiti).
- (d) Melalui penggabungan dua kata yang berbeda dengan cara memendekkannya, iaitu dengan mengambil bahagian pertama daripada kata pertama yang digabung dengan bahagian akhir daripada kata kedua. Cara ini dalam bahasa Inggeris dikenal dengan *portmanteaus*. Misalnya, istilah *teuro* (mata wang di negara-negara Kesatuan Eropah yang bernilai tinggi) yang dibentuk daripada gabungan kata *teuer* (mahal) dan *Euro* (mata wang Kesatuan Eropah), istilah *Infotainment* (informasi yang bersifat sekali gus menghibur) yang berasal daripada gabungan kata *Information* (maklumat) dan *Entertainment* (hiburan), istilah *Demokratuer* (pemimpin di negara

demokrasi namun masih menjalankan cara seperti seorang diktator) daripada gabungan kata *Demokratie* dan *Diktatur*.

Proses pembentukan neologisme menurut sistem morfemis dalam bahasa Melayu adalah sebagai yang berikut:

- (a) Melalui pembentukan kata majmuk, baik daripada bahasa Melayu sendiri mahupun gabungan dengan bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris seperti:
 - Naik hot: Istilah ini membawa maksud “naik marah” atau “menimbulkan kemarahan”.
 - Naik temper *adalah* Istilah yang bersinonim dengan “naik hot” dan digunakan dalam konteks yang sama pula.
 - Berita hot: Istilah ini mengalami perluasan makna dengan maksud “berita yang mengundang kontroversi”.
 - Benalah: Istilah yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris *fallacy* berupa gabungan kata antara “benar” dan “salah”. Istilah ini merujuk kepada konsep yang salah tetapi ditunjukkan kebenarannya, sehingga yang salah itu tertanggap sebagai benar. Istilah “benalah” digunakan dalam penulisan ilmiah yang berkisar pada aspek teori dan amalan teori dalam analisis yang bersifat ilmiah dan falsafah.
- (b) Melalui penterjemahan atau serapan kata daripada bahasa asing dengan penyesuaian bunyi adalah seperti:
 - Sugestif: Diterjemahkan daripada bahasa Inggeris *suggestive*. Buat masa ini istilah ini digunakan dalam perbincangan tentang nilai sastera terhadap suatu kandungan karya kesusasteraan.
 - Interpretif: Berasal daripada bahasa Inggeris *interpretive* yang merujuk kepada nilai atau sifat sebagai kesan tafsiran terhadap sesuatu (kandungan karya dan lain-lain).
 - Sakral: Istilah daripada bahasa Inggeris *sacred* yang merujuk kepada sesuatu yang suci dari segi nilai keagamaan dan kepercayaan, baik yang berupa pandangan hidup, tempat ibadah mahupun sifat sesuatu.

Proses pembentukan neologisme menurut sistem morfemis dalam bahasa Indonesia juga sangat beragam dan pada dasarnya mengikuti pola sebagaimana yang berikut:

- (a) Melalui penurunan daripada kata lain dengan pengimbuhan, penggandaan atau penggabungan keduanya seperti:

- Nabatiwan: Dibentuk dari kata “nabati” + imbuhan “wan” yang artinya orang yang mengamalkan pola hidup sebagai vegetarian.
 - Angkasawan: Istilah yang merujuk kepada orang yang boleh pergi ke angkasa baik dia itu ilmuwan ataupun orang awam.
- (b) Melalui pembentukan kata majmuk, baik daripada bahasa Indonesia sendiri mahupun gabungan daripada bahasa Indonesia dengan bahasa lain, seperti:
- Mahakarya: Daripada gabungan “maha” + “karya” atau “adikarya”, kata majmuk daripada “adi” + “karya” yang merujuk kepada suatu hasil karya unggulan dan bermutu tinggi yang dalam bahasa Inggerisnya disebut *masterpiece*.
- (c) Melalui penyingkatan kata atau akronim. Banyak istilah sehari-hari mahupun istilah politik di Indonesia yang merupakan akronim. Dalam hal ini, akronim harus dibezakan antara akronim neologisme yang sudah baku dengan akronim slanga dalam taraf okasionalisme. Contoh-contoh beberapa akronim neologisme baku:
- Repelita: Rencana Pembangunan Lima Tahun.
 - AMD: ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia) Masuk Desa
 - Sinetron (Sinema elektronik): Istilah ini merujuk pada filem-filem di Indonesia di televisyen mengikut jam tayang singkat.
 - Kades: Kepala desa
 - Siskamling: Sistem keamanan lingkungan.
 - Pemkot: Pemerintah kota (Kotamadya)
 - Abs: Asal bapak senang. Istilah ini direka untuk menyindir seorang menteri pada kabinet pemerintahan Suharto yang selalu memulai ucapan pidatonya dengan kalimat: “Seperti instruksi bapak presiden”. Istilah ini kemudian digunakan untuk siapa sahaja yang hanya bekerja menuruti perintah atasan tanpa pemikiran sendiri.
 - Abg: Singkatan untuk “anak baharu gede” yang maknanya anak umur belasan tahun dalam masa akil baligh (masa peralihan anak kecil hingga dewasa).

Sering kali akronim ialah sebuah kata atau singkatan rasmi yang maknanya *diplestakan* (disedatkan). Di bawah ini ialah beberapa contoh:

- Gepeng: Gelandangan dan pengemis. Kata “gepeng” dalam erti sesungguhnya ialah sesuatu yang berubah bentuk menjadi pipih kerana ditindih benda lain yang berat.
- Pecel lele: Pemakai celana lebar-lebar. Erti sebenarnya ialah nama makanan daripada ikan keli yang di Indonesia disebut ikan lele.
- CBSA: Catat bahan sampai abis ialah penyimpangan erti daripada akronim neologisme bahasa standard: Cara Belajar Siswa Aktif. Penyimpangan akronim ini direka untuk menghujah atau memprotes metode belajar yang dianggap tidak sesuai dengan kenyataan, kerana praktiknya siswa tetap tidak dibimbing untuk belajar secara aktif melainkan terus mencatat bahan pelajaran sahaja.
- Mba: Akronim daripada *married by accident* yang bermaksud pernikahan paksa sebagai akibat perbuatan mereka di luar rencana sehingga mempunyai anak di luar nikah. Makna istilah ini sesungguhnya ialah akronim standard daripada bahasa Inggeris, iaitu *Master of business administration*.

Yang berikut ini ialah beberapa contoh akronim yang mempunyai kemungkinan menjadi neologisme kerana telah digunakan secara meluas di media massa:

- Asbun: Asal – bunyi, iaitu istilah untuk orang yang suka berbicara tanpa berfikir terlebih dahulu apakah ucapannya menyakitkan hati orang lain atau apakah ucapannya berisi kebenaran.
- Duren: duda keren, merujuk kepada duda kacak.
- Abg: Singkatan untuk ‘anak baharu gede’ yang maknanya anak umur belasan tahun dalam masa akil baligh.
- Mandor kawat: Makan kendor kerja kuat. Maksudnya orang yang hanya makan sedikit tetapi tetap harus bekerja keras seperti kuli. Istilah ini juga digunakan dalam novel terbaik nasional di Indonesia, iaitu karya Andrea Hirata yang bertajuk *Edensor*.

Pembentukan Neologisme Menurut Kaedah Semantik

Neologisme dalam bahasa Jerman dan bahasa Melayu dapat dibentuk menurut kaedah semantik dengan beberapa cara seperti yang berikut ini:

(a) Melalui perluasan erti.

- Istilah *surfen* dalam bahasa Jerman bererti luncur air yang

dahulunya hanya merujuk kepada kegiatan di laut dan pantai tetapi orang sekarang boleh sahaja *surfen* di Internet dalam dunia “WorldWideWeb”.

- Istilah “gelombang cinta” mendapat perluasan erti sebagai nama tanaman yang sekarang ini menjadi terkenal di Indonesia kerana bentuknya yang bergelombang.
 - Kata “canggih” dalam bahasa Melayu yang berasal daripada dialek Negeri Sembilan yang penduduknya banyak berasal dari Minangkabau dahulu digunakan untuk panggilan terhadap orang yang banyak bercakap, tetapi sekarang kata “canggih” digunakan untuk menyatakan sesuatu yang dianggap hebat.
- (b) Melalui penyerapan daripada bahasa lain.
- *Accreditation* daripada bahasa Inggeris diserap dalam bahasa Indonesia menjadi “akreditasi” walaupun ada bentuk lainnya “pengakuan”, namun istilah “akreditasi” lebih banyak digunakan.
- (c) Melalui perekaan kata baharu.
- Adibusana ialah istilah yang diciptakan perancang busana di Indonesia untuk maksud fesyen dalam kelas tinggi dalam istilah dunia fesyen *haute couture* atau *high fashion*.
- (d) Melalui penterjemahan.
- *Subscript* diterjemahkan menjadi “tikalas”.
 - *Superscript* diterjemahkan menjadi “tikatas”.
 - *Superconduct* diterjemahkan menjadi “adihantar” atau “adimarga”.
 - *Study tour* diterjemahkan menjadi “widya wisata”.
- (e) Melalui parafrasa.
- Kata “bohsia” dalam bahasa Melayu yang diambil daripada dialek Hokkien yang bererti “tanpa bunyi” menggambarkan sifat perempuan muda usia yang suka keluar pada malam hari untuk bersenang-senang dengan lelaki, bahkan untuk mengamalkan seks bebas. Penyakit kemerosotan moral seperti ini tentu sahaja bukan hanya wujud di Malaysia, malahan di Indonesia, misalnya orang mengenal kata “gongli” yang diambil daripada bahasa daerah Sunda (bagong lieur yang bererti babi mabuk) untuk menjelaskan fenomena yang sama. Istilah ini baru dikenal dalam kalangan tertentu sahaja, manakala masyarakat Indonesia dari daerah lain belum menggunakan kata ini. Kelompok pemelihara kemurnian bahasa Melayu (purist) tidak setuju dengan istilah “bohsia” yang dianggap terlalu lembut dan mereka mencadangkan istilah “sundal” yang mereka anggap lebih mengena nilai sasarannya.

Istilah “sundal” di Indonesia bukan suatu neologisme dan telah lama digunakan dengan makna yang hampir sama. Fenomena seperti ini tidak terdapat di Jerman kerana budaya dan pandangan hidup yang berbeza, lalu tidak memandang hal seperti itu sebagai suatu tindakan amoral atau tidak bermoral.

- Kata “(me)rempit” yang berasal daripada dialek Perak yang bermakna “menyebat dengan rotan” menunjukkan nilai kenakalan anak-anak kecil atau remaja yang biasanya dipulihkan perangnya itu melalui cara merotan pada zaman dahulu, kini menghasilkan frasa “mat rempit” yang juga menunjukkan konsep kenakalan remaja tetapi dikaitkan dengan perbuatan membentuk komplot lumba motosikal yang mengganggu ketenteraman awam pada waktu selepas tengah malam. Makna ini turut diperluas lagi apabila kata yang sama digunakan untuk merujuk kepada perangai anak-anak muda yang tidak sopan dan suka mengganggu ketenteraman awam melalui pengeluaran bunyi bising, meskipun tidak menggunakan bunyi motosikal yang diperas bunyi bising enjinnya itu. Kadang-kadang anak-anak muda yang berkumpul di tepi-tepi jalan yang membuat bising dan membuang masa di tepi-tepi tembok atau jambatan dirujuk juga dengan istilah “mat rempit”.
- (f) Melalui penyempitan erti.
- Kata “merendek” yang datang daripada bahasa Tamil “rendek” yang bermakna “dua” turut menjadi bentuk kata slanga bagi anak-anak muda yang suka berada dalam keadaan berdua-duaan dengan anak-anak mudi.
 - Istilah “berkhalwat” yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud “berada dalam keseorangan dan kesunyian untuk maksud bertafakur kepada Allah seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW di Gua Hiraq” telah disempitkan maksudnya untuk anak-anak muda (lelaki dan perempuan) yang suka berada dalam keadaan berdua-duaan dalam suasana yang sunyi atau gelap.
- (g) Melalui pengambilan makna daripada bahasa induk yang sama.
- Kata “cilik” yang bermaksud “kecil” dalam bahasa Indonesia diperkenalkan ke dalam bahasa Melayu dalam konteks yang terhad, iaitu dalam bidang teknologi multimedia digital. Contohnya adalah untuk penggunaan iPod model baharu yang dikeluarkan oleh Apple.

- Istilah “canggih” daripada bahasa Indonesia yang merujuk kepada satu sifat yang moden dan kompleks, hebat, menarik (untuk bangunan, sifat benda, alat, pakaian dan lain-lain); sesuai dengan perkembangan moden seperti jambatan canggih. Kata ini kini mengalami perluasan makna, sehingga apa-apa sahaja yang dianggap luar biasa dirujuk sebagai canggih.

Masalah-masalah yang Berkaitan dengan Penggunaan Neologisme

Ada beberapa hal yang harus diperhatikan dalam penggunaan neologisme yang berkaitan dengan:

- Penulisan: Bagaimana penulisan kata “Spinoff”, “Spin-off” atau “Spin-Off”? (sesuatu dalam format yang sama tetapi bentuknya berlainan, “Carsharing”, “Car-Sharing” atau “Car-sharing”? (berkongsi membeli kereta dan menggunakannya juga secara bersama), “Decoder” atau “Dekoder” (alat bantu untuk mendapatkan siaran televisyen lebih banyak), “Zeitgeist” (kesedaran seseorang tentang fenomena yang berlaku saat ini).
- Sebutan: Sebutan untuk neologisme biasanya mengikuti sistem fonem bahasa yang dipinjam. “Download” daripada [lowd] menjadi [lo:t]
- Penentuan jantina: “der Blog” atau “das Blog”? Istilah ini dibentuk daripada derivasi web-log atau video-log yang bermakna laman Internet yang selalu diaktualisasi. Apakah bentuk jantina untuk enjin, “die Engine” atau “der Engine”?
- Pembentukan fleksi: Bahasa Jerman ialah bahasa fleksi yang mempunyai perubahan bentuk dalam kes tertentu, misalnya bentuk genitif: Apakah daripada ‘der Piercing’; ‘des Piercing’ atau ‘des Piercings’?
- Pembentukan jamak untuk istilah komputer: Apakah bentuk jamaknya “pc” atau “PCs” untuk “personal computer”?
- Pemerian erti: “assessmentcenter” (sebutan untuk tempat perkumpulan yang menghasilkan suatu idea yang dari tempat itu diadakan penilaian atau pusat penilaian).
- Penterjemahan: Bagaimana hendak menterjemahkan istilah neologisme daripada bahasa Jerman kepada bahasa Melayu dan bahasa Indonesia?

Ada beberapa cara yang dapat digunakan untuk menterjemahkan istilah neologisme daripada bahasa Jerman kepada bahasa Melayu

dan bahasa Indonesia, seperti:

- (i) Dengan memberikan definisi: Neologisme dalam bahasa Jerman boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan Indonesia dengan membuat definisi yang menerangkan istilah tersebut jika kedua-dua bahasa tersebut tidak mempunyai istilah sendiri untuk perbandingan langsung. Contoh istilah *Solidaritätzuschlag* dapat didefinisikan sebagai wang yang harus dibayar penduduk Jerman di bahagian barat sebagai bahagian daripada pajak yang dipakai untuk membantu penduduk Jerman di bahagian timur. Bayaran ini diambil daripada pendapatan bulanan masyarakat Jerman.
- (ii) Dengan mengambil istilah secara penuh sebagai kata pinjaman: Contohnya istilah “Weltanschauung” daripada bahasa Jerman, tidak mengalami proses penterjemahan tetapi digunakan dalam bentuk bahasa aslinya dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia kerana ungkapan terjemahan dalam kedua-dua bahasa tersebut seperti “pandangan sarwa” atau “pandangan dunia” tidak mencakup semua idea yang terdapat dalam kata “Weltanschauung”.
- (iii) Dengan membandingkan fenomena serupa yang sudah ada dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia: Kata *mailen* misalnya, dapat diterjemahkan menjadi “menghantar e-mel” dalam bahasa Melayu dan “mengirim email” dalam bahasa Indonesia.

Contoh Neologisme dalam Bahasa Jerman

Yang berikut ini adalah antara bentuk neologisme yang sudah demikian luas digunakan dalam media cetak seperti akhbar dan majalah di Jerman:

- *Gammelfleisch*: Kata majmuk yang dibentuk daripada *gammel* yang merupakan derivasi daripada *gammelig*, iaitu keadaan sesuatu yang buruk dalam hal makanan yang sudah tidak segar + kata *Fleisch* yang bererti daging, supaya maknanya menjadi daging yang sudah tidak segar namun, tetap dijual di pasar secara haram. Istilah ini muncul di surat khabar pada awal tahun 2003 setelah terbongkarnya kes penjualan daging seperti itu.
- *Politesse*: Dibentuk daripada *Polizei* (polis) dan *Hostess* (pendamping) yang bermakna polis wanita yang tidak bertugas seperti polis umum tetapi hanya melaksanakan tugas khusus, iaitu memberi tiket saman bagi yang meletak kereta kerana tidak sesuai dengan peraturan lalu lintas.

- *Podcast*: Dibentuk daripada *ipod* dan *broadcast* dengan maksud siaran daripada Internet yang dapat didengar langsung melalui ipod.
- *Babyklappe*: Daripada penggabungan kata *baby* (bayi) + *Klappe* (penutup) ialah rumah yang dindingnya mempunyai penutup yang boleh dibuka dari luar, biasanya yang disediakan oleh badan swasta untuk ibu-ibu yang ingin menyerahkan bayi mereka secara yang tidak dikenali. Tempat ini disediakan sebagai tindakan mencegah wanita daripada membuang bayi.

Contoh Neologisme dalam Bahasa Melayu

- *Nahdah*: Yang diambil daripada bahasa Arab yang bermakna *renaissance* atau pembaharuan.
- *Prakarsa*: Diambil daripada bahasa Jawa yang bermaksud inisiatif.
- *Kesalingan*: Direka untuk terjemahan bagi perkataan *reciprocity* yang bermakna berbalas-balasan.

Ketiga-tiga istilah di atas diperkenalkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa membentangkan belanjawan 1995.

- *Holistik*: Istilah dalam bidang kesihatan daripada bahasa Inggeris yang bermakna penggabungan rawatan moden dan tradisional. Di Indonesia, pengubatan semacam ini dikenal dengan pengubatan alternatif. Selain itu, istilah ini di Indonesia juga bererti ciri pandangan yang menganggap bahawa keseluruhan sebagai suatu kesatuan yang lebih penting pada satu-satu bahagian organisma.
- *Anak halimunan*: Sebutan untuk anak tanpa identiti rasmi tentang orang tuanya seperti anak gelandangan atau anak tunawisma di Indonesia.
- *Deklamator*: Daripada nomina bahasa Indonesia deklamasi, iaitu pengucap atau penyampai puisi.
- *Touch n go*: Kata yang diambil daripada bahasa Inggeris ini merujuk kepada sistem pembayaran dengan konsep prabayar dan guna kemudian. Pembayaran dilakukan dengan menyentuhkan kad yang telah dibeli ke layar elektronik dan kredit dalam kad secara automatik akan berkurang. Kata ini hanya mengalami perubahan bentuk “and” menjadi “n” yang disesuaikan mengikuti pengucapan atau sebutan.

- Prasarana: Istilah daripada bahasa Indonesia yang mengalami penyempitan erti, iaitu alat dan sarana yang digunakan hanya dalam konsep infrastruktur dan pembangunan material.
- Kesenambungan: Istilah daripada bahasa Indonesia yang merujuk kepada nilai perkembangan yang berterusan dan bersambungan. Istilah ini masuk sebagai neologisme ke dalam bahasa Melayu di samping kata *continuity* sebagai kata asing.
- Itizam: Kata yang berasal daripada bahasa Arab yang menunjukkan keterlibatan seseorang secara bersungguh-sungguh dalam melaksanakan suatu tanggungjawab. Waktu akan menentukan apakah kata ini boleh bersaing dengan kata daripada bahasa Inggeris *commitment* yang lebih dahulu dan digunakan ramai orang di Malaysia untuk makna yang sama.
- Keloj: Istilah teknologi elektronik untuk kata Inggeris *pager*. Kata ini digunakan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi media massa dan selalunya diamalkan oleh mereka yang terlibat dalam pengurusan perniagaan, komunikasi industri dan perdagangan. Pada masa ini, penggunaannya terhad, kerana kebanyakan pengguna lebih gemar menggunakan istilah *pager* sebagaimana dalam bahasa asalnya.
- Aktor: Bermaksud “pelakon drama lelaki” dan “aktres” yang bermaksud “pelakon drama wanita”. Dua kata ini masuk ke dalam bahasa Melayu sebagai neologisme melalui kata pinjaman daripada bahasa Indonesia tanpa perubahan bentuk.
- Taikun: Dalam bahasa Inggeris, kata ini bermaksud hartawan, tetapi dalam bahasa Melayu kata ini mengalami perluasan makna yang merujuk kepada pengertian kekayaan yang melebihi atau teristimewa yang mempunyai pengertian sejarah dalam konteks asal tumbuh atau bermulanya aktiviti berbanding dengan kadar kekayaan biasa, misalnya “taikun perjudian”.
- Legasi: Secara tradisional, kata ini bermaksud pusaka yang diturunkan oleh nenek moyang kepada generasi baharu. Sekarang ini kata tersebut sudah mengalami perluasan makna yang merujuk kepada konsep kekuatan dan kekuasaan yang dimiliki seseorang terutama dalam bidang politik sehingga idea penting yang ditemukan seorang ahli politik itu menjadi ukuran kepada pemimpin generasi selanjutnya, sama ada dalam konteks perancangan ekonomi ataupun kebijaksanaan politik yang selalu dikaitkan dengan namanya.

- Oportunis: Kata yang berasal daripada bahasa Inggeris ini tidak mempunyai satu kata dalam terjemahan bahasa Melayunya, malahan bentuk terjemahan pun tidak dapat bertaraf istilah gantian. Oleh sebab itu, kata ini dipungut secara langsung dengan mengadakan penyesuaian sebutan Melayu. Kata ini mula digunakan untuk menamakan orang yang mencari kesempatan untuk kepentingan dirinya dengan cara tidak adil, terutamanya dalam bidang ekonomi. Kata ini kemudian tersebar luas dalam bidang politik, manakala ramai ahli politik yang memanfaatkan kesempatan politik untuk memajukan kariernya dengan cara negatif. Selanjutnya, orang menggunakan kata tersebut juga untuk menamakan olahragawan yang mencari peluang tanpa terlibat dengan cergas dalam aktiviti sukan sebenar, misalnya pemain bola sepak yang hanya aktif bermain ketika bola datang menghampiri.
- Misyar: Istilah baharu berasal daripada bahasa Arab yang aslinya bermakna pelancong atau pengembara. Perkahwinan misyar membenarkan suami isteri tidak tinggal bersama dan suami tidak perlu menyediakan keperluan kewangan kepada isterinya.
- Sumber slanga: Slanga sebenarnya masih dianggap bertaraf antara *okasionalisme* dan neologisme kerana sifatnya yang masih sementara. Jika suatu istilah slanga dapat bertahan lama dan diterima oleh masyarakat dan mempunyai konotasi yang baik, mungkin kata itu dapat menjadi neologisme yang berkemungkinan masuk ke dalam entri kamus. Slanga sering juga dianggap kosa kata yang tidak boleh diterima untuk diguna pakai dalam ragam baku, tetapi dapat berfungsi sebagai sumber penting dalam usaha peluasan dan peningkatan kosa kata dalam sesuatu bahasa. Sebaliknya, kata yang dapat bertahan lama kerana digemari oleh para pengguna dalam konteks baku, kata tertentu dapat diserapkan ke dalam penggunaan formal. Sebagai contoh, kata *movies* (wayang gambar) kini berstatus kata baku dalam bahasa Melayu. Apakah kata ini akan menjadi bentuk neologisme dalam bahasa Melayu, kerana penggunaannya agak meluas kini, bilamana kata “movi” digunakan untuk menggantikan maksud “wayang gambar”. Di Indonesia orang mengenal kata menonton bioskop untuk maksud yang sama namun ia bukan neologisme. Dalam pada itu pun, kata “kapur” atau “kebas” yang bermaksud “curi” masih berstatus kata slanga dalam bahasa Melayu. Demikian juga kata “sebat” atau “hantam” atau “lanyak” yang digunakan dengan maksud

“ambil sahaja” atau “terima sahaja” masih bertaraf slanga dalam bahasa Melayu. Kata “cun” yang bermaksud “cantik”, “gian” yang bermaksud “ketagih”, “gatal” untuk maksud “bernafsu” dan “kaw” untuk maksud “pekat” (dalam konteks minuman) berasal daripada bahasa Cina, tetapi masih kekal sebagai kata tidak formal dalam bahasa Melayu. Kata “timing”, dan “eksyen” yang bermaksud “sombong”, serta “dating” yang bermaksud “membuat pertemuan” atau “janji temu”, dan “seksi” yang bermaksud “menggiurkan” berasal daripada bahasa Inggeris, manakala kata “jambu” yang bermaksud “cantik”, “bergetah” yang bermaksud “seksi”, dan “kodok” untuk maksud “teman wanita” merupakan beberapa contoh slanga yang digemari dalam kalangan anak muda sekarang ini, dan masih bertaraf tidak formal. Kata-kata ini masih belum mempunyai kekuatan untuk memasuki kamus, supaya penggunaannya bersifat sementara sahaja. Akan tetapi, kata-kata seperti “ad hoc” dan “per se” masih digunakan sebagai bentuk formal dalam bahasa ilmiah, kerana kata lain sebagai pengganti tidak diciptakan lagi dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan maknanya yang sama dalam bahasa asalnya (Inggeris) itu.

Contoh Neologisme dalam Bahasa Indonesia

- Pranala: Diambil daripada bahasa Kawi atau bahasa Jawa Kuno yang pada awalnya diambil daripada bahasa Sanskrit: “praṇāla” yang bererti “anak sungai”, “saluran”, “terusan dari kolam” dan sebagainya. Kata yang mirip dalam bahasa Sanskrit ialah: “praṇālikā” yang bererti “terusan” atau “perantara”. Dalam bahasa Jawa Kuno, kata ini bererti “penyangga”, “sandaran”, “lapik” atau “alas patung”. Selain itu, kata ini dapat pula bererti, “yoṇi” atau “alas lingga”.

“Pranala”, “pautan” atau “link” (juga *hyperlink*) ialah sebuah acuan dalam dokumen hiperteks ke dokumen yang lain atau sumber lain. Seperti halnya suatu kutipan di dalam literatur. Jika digabungkan dengan sebuah jaringan data dan sesuai dengan protokol akses, sebuah komputer dapat diminta untuk memperoleh sumber yang diberikan referensi.

Sebagai satu neologisme ‘pranala’ adalah salah satu istilah bahasa Indonesia untuk link atau “hiperlink” dalam bahasa Inggeris. Sinonim untuk kata ini ialah “paut”, “taut” atau juga “kait”. Dalam panduan pembakuan istilah yang diterbitkan pemerintah Indonesia, “hyperlink” dalam bahasa Indonesia ialah “hipertaut”, sedangkan “link” ialah “taut”.

Awalan “nir” + “kata nama/kata kerja” menunjukkan ketidakadaan sesuatu atau sesuatu yang negatif. Beberapa contoh kata-katanya adalah seperti:

- Nirlaba: Dalam bidang ekonomi semakin populer istilah “nirlaba” untuk padanan istilah bahasa Inggris *nonprofit*.
- Baja nirkarat: Untuk padanan *stainless steel* merujuk kepada besi yang tidak berkarat.
- Nirbiji: Biasanya digunakan untuk menamakan buah semangka tanpa biji (buah tembikai yang tidak berbiji) di Indonesia meskipun pedagang semangka di tepi jalan lebih mengenal istilah semangka sebagai “nonbiji”.
- Kain nirjahit: Diteroka sebagai padanan “kain ihrom” bagi menerangkan wujudnya fisik kain tersebut, yaitu kain yang tidak dijahit.
- Nirbentuk: Istilah yang digunakan untuk menerangkan sesuatu yang tidak mempunyai bentuk (formless).
- Nirguna: Merujuk kepada sesuatu yang tak berguna.
- Dasawarsa: Ialah unit waktu selama sepuluh tahun. Umumnya, satu dasawarsa dimulai pada tahun yang berakhir dengan angka 0, dan berakhir pada tahun yang berakhir dengan angka 9. Contohnya dasawarsa 80-an dimulai dari tahun 1980 hingga tahun 1989. Istilah *neologisme* ini berasal daripada bahasa Sanskrit yang masuk ke dalam kosa kata bahasa Indonesia melalui bahasa Jawa.
- Samsara atau sangsara: Dalam agama Buddha berupa suatu keadaan tumibal lahir (kelahiran kembali) yang berulang-ulang tanpa henti. Selain agama Buddha, kata “samsara” juga ditemukan dalam agama Hindu, Jainisme, serta beberapa agama lain yang berkaitan. Istilah ini merujuk kepada konsep reinkarnasi atau kelahiran kembali menurut tradisi falsafah India.
- Lokakarya: Ialah suatu acara di mana beberapa orang berkumpul untuk memecahkan masalah tertentu dan mencari penyelesaiannya. Sebuah lokakarya dapat disamakan dengan sebuah pertemuan ilmiah kecil.
- Cukong: Merujuk kepada pengusaha-pengusaha pemilik perusahaan besar di Indonesia. Kata ini sendiri berasal daripada bahasa Hokkien yang lazim dituturkan di Indonesia oleh suku Tionghoa-Indonesia. “Cukong” (Hanzi: 主公, hanyu pinyin: zhugong) dalam bahasa Hokkien atau bahasa Mandarin yang

bererti “pemimpin”, “ketua”, “pemilik” ataupun “bos”. Sampai pada tahun 1950-an, cukong masih digunakan sebagai kata untuk merujuk bos atau majikan, namun setelah tahun-tahun 1960-an, kata cukong kemudian mulai mendapat konotasi negatif kerana sering dirujuk kepada pengusaha-pengusaha dari suku tertentu terutama suku Tionghoa-Indonesia. Konotasi negatif ini kemudian semakin menyebar luas setelah pemerintah orde baharu menciptakan pandangan awam bahawa majoriti pengusaha Tionghoa dikatakan terlibat dalam amalan pakatan sulit, korupsi dan nepotisme dalam perniagaan mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang didapati daripada kajian ini hanyalah boleh mewakili perolehan setakat ini yang mungkin akan berubah pada masa akan datang. Berdasarkan temuan dan contoh-contoh istilah neologisme di tiga buah negara tersebut, dapatlah disimpulkan keberadaan neologisme sebagaimana yang berikut:

- (1) Penggunaan dan pembentukan neologisme untuk penamaan hal baharu dalam bahasa Jerman yang berasal daripada bahasa Jerman sendiri mempunyai lebih banyak kemungkinan dan ruang kreativiti jika dibandingkan dengan bahasa Melayu (kerana jumlah kosa kata bahasa Jerman yang jauh lebih banyak (400 000–500 000 entri), dan kerana bahasa Jerman mempunyai banyak kemungkinan dalam pembentukan kata majmuk. Neologisme bahasa Jerman yang dibentuk melalui kata majmuk dapat menyatakan idea yang sarat makna tanpa harus menghuraikan istilah tersebut. Hal itu sesuai dengan prinsip ekonomi bahasa untuk menyatakan satu keadaan dengan satu istilah yang tepat dan memadai. Selanjutnya dapat dikatakan bahawa penggunaan neologisme dalam bahasa Jerman telah memperkaya kosa kata bahasa Jerman yang dapat dibuktikan dalam kamus-kamus neologisme.
- (2) Neologisme dalam bahasa Melayu di Malaysia banyak dibentuk daripada bahasa Inggeris dengan penyesuaian bunyi yang pada dasarnya tidak mengalami perubahan dari segi bentuk. Perubahan yang ada hanyalah dalam bidang semantik, iaitu melalui perluasan ataupun penyempitan makna. Dalam bahasa Jerman, bentuk-bentuk neologisme dapat berkembang untuk diterima oleh masyarakat, dan terkadang sampai diterima masuk sebagai unsur

baku dalam sistem kosa kata bahasa masing-masing. Sebaliknya, kesan terhadap bahasa Melayu adalah sentiasa terkawal kerana segala ketetapan yang mahu ditambah untuk memperkaya sistem kosa kata haruslah dilakukan oleh agensi perancang bahasa, iaitu Dewan Bahasa Dan Pustaka. Sama ada hal tersebut mendatangkan kesan negatif ataupun positif pada perkembangan bahasa dan kebudayaan Melayu tidaklah merupakan bahagian diskusi ini. Malaysia ialah sebuah negara yang tidak sebebaskan Jerman dalam hal perkembangan budaya dan bahasa, sehingga pengguna bahasa dibenarkan mencipta kata-kata tertentu tanpa perlu diiktiraf terlebih dahulu oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Jerman. Akibatnya bentuk-bentuk neologisme baharu begitu mudah dilihat di dada akhbar dan media elektronik, kebanyakannya kata majmuk yang tidak tercatat pun dalam ketetapan morfologi dan sintaksis tatabahasa baku Jerman yang perkembangannya akan ditentukan sendiri oleh penutur bahasa tersebut.

- (3) Bahasa Indonesia mempunyai ciri tersendiri dalam pembentukan neologisme. Penggunaan kata pinjaman ataupun penerokaan daripada bahasa Sanskrit, Inggeris ataupun bahasa daerah di Indonesia mewarnai kosa kata baharu di Indonesia. Lebih-lebih lagi bentuk akronimnya sangat beragam. Penerokaan serta penyebaran penggunaannya pun sangat cepat. Walaupun negara Indonesia menjadi salah sebuah anggota MABBIM, ketetapan yang dibuat di peringkat Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia dianggap oleh penduduk Indonesia sebagai usaha perancangan untuk merapatkan hubungan kerjasama antara ketiga-tiga negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia dari segi perjuangan untuk mencapai keseragaman bahasa Melayu serantau yang lebih tuntas. Sebaliknya, rakyat Indonesia diberi kebebasan untuk menentukan arah bahasa Indonesia yang dikehendaki mereka. Kemasukan kata-kata yang baru dicipta berlaku dengan meluas tanpa sebarang badan yang berhak menentukan bentuk-bentuk yang harus diterima atau ditolak. Pengeluar akhbar begitu bebas menggunakan kata bahasa Indonesia yang mahu dicoraki, supaya kemasukan bentuk-bentuk kata Inggeris dicetak di dada akhbar mengikut selera badan penerbit. Sebagai contoh, kata “tur” yang berasal daripada bahasa Inggeris “tour” ditemukan dalam beberapa akhbar harian di sana. Kebebasan ini bukan tidak

berasas. Ia dilakukan untuk memenuhi selera pembaca akhbar juga. Jika orang dari negara luar tinggal di Indonesia untuk beberapa bulan, mereka akan mendapati beberapa banyak kata baharu diciptakan. Penampilan kata-kata baharu ini tidak pernah mendapat tentangan daripada mana-mana pihak pun di Indonesia. Ada pendapat yang mengatakan bahawa, negara Indonesia lebih mementingkan kemajuan yang cepat. Soal bentuk kata yang harus dieja begini dan begitu tidak menjadi persoalan. Masih kedapatan beberapa akhbar dan buku yang diterbitkan menggunakan ejaan lama yang mirip ejaan Indonesia-Belanda Ophuysen sebelum tahun 60-an dahulu. Yang penting kepada mereka ialah kecepatan mendapatkan ilmu yang diterjemahkan secepat mungkin ke dalam bahasa Indonesia. Bentuk-bentuk singkatan dan akronim yang baharu diciptakan seperti cendawan tumbuh. Jika semua bentuk kata dan pengejaan mahu ditentukan oleh Departmen Bahasa dan Kebudayaan, unsur neologisme akan terkekang dan perkembangan bahasa Indonesia akan mengalami kelambatan untuk bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Untuk matlamat yang tidak tercatat ini, Indonesia mengamalkan strategi kebebasan mencipta kata-kata bahasa Indonesia, sama ada yang mendapat pengaruh kemasukan daripada bahasa daerah mahupun daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris dewasa ini. Beberapa banyak bentuk neologisme akan berakhir dengan kemasukannya juga ke dalam kamus Indonesia secara bebas dalam konteks perkembangan bahasa yang telus dari segi perancangan bahasa di sana. Nasib bahasa Indonesia ditentukan oleh penutur bahasa Indonesia dalam konteks kemajuan kontemporari yang ditempuhi mereka dari semasa ke semasa. Bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa nampaknya semacam diteruskan menjadi asas neologisme dalam konteks mengekalkan peri halusnyanya keindahan bahasa Indonesia pada masa akan datang melalui pengenalan bentuk-bentuk eufemisme yang baharu. Salah satu bentuk neologisme yang berfungsi sebagai eufemisme boleh menjadi salah satu penyebab diterimanya neologisme di masyarakat seperti kata “tuna susila” yang mempunyai maksud metaforik pada bentuk “kupu-kupu malam” yang menjadi pilihan untuk kata “wanita pelacur” di Indonesia yang tidak dianggap sopan dan sekali gus berfungsi untuk memperkaya kosa kata bahasa Indonesia.

RUJUKAN

- Altmann, Hans/ Kemmerling, Silke, 2000. *Wortbildung fürs Examen*. Wiesbaden: Westdeutscher.
- Bussmann, Hadumod, 2001. *Lexikon der Sprachwissenschaft*. Stuttgart: Alfred Kröner Verlag.
- Donelies, Elke, 2005. *Die Wortbildung des Deutschen*. Tübingen: Gunter Narr.
- Frankfurter Allgemeine Zeitung, 17 Mei, 2004. Nr. 114. P.10.
- Hirata, Andrea, 2006. *Laskar Pelangi*. Yogyakarta: Bentang.
- Ders, 2008. *Edensor*. Yogyakarta: Bentang.
- Kamisa, 1997. *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*. Surabaya: Kartika.
- Krieg, Ulrike, 2005. *Wortbildungsstrategien in der Werbung*. Wiesbaden: Westdeutscher.
- Mingguan Malaysia, 2 Julai, 2006. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Berhad.
- Mingguan Malaysia, 23 September, 2007. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Berhad.
- Ortner, Hans Peter/ Ortner, Lorelies, 1984. *Zur Theorie und Praxis der Komposita-Forschung*. Tübingen: Gunter Narr.
- Sprachnachrichten. Nr. 34 / Mei 2007.
- Teo Kok Seong, "Slanga: Kosa Kata Buangan" dlm. *Dewan Bahasa* 6:12, hlm. 6 – 9, 2006.
- Utusan Malaysia, 24 Oktober, 2007. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Berhad.
- Von Wilpert, Gero, 1989. *Sachwörterbuch der Literatur*. Stuttgart: Alfred Kröner Verlag.
- Kajian di Internet:
<http://etd.uwaterloo.ca/etd/m5schmid2006.pdf>
<http://www.ceryx.de/sprache/neologismen.htm>
www.marketing-lexikon-online.de/Lexikon/Stichworte_N/Neologismus/neologismus.html
[www. http://de.wikipedia.org/wiki/Neologismus](http://de.wikipedia.org/wiki/Neologismus)
http://de.wikipedia.org/wiki/Malaiische_Sprache
[www. vds-ev.de](http://www.vds-ev.de)